

Headline	UPM Komersial Produk R&D
Date	26. Mar 2008
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Supplement
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	13
Article Size	837 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



DR. NIK MUSTAFA Abdullah (kiri) meraikan kejayaan UPM bersama-sama 11 penerima Anugerah Emas Ekspo Teknologi Malaysia, baru-baru ini.

Gambar HAYAT SUET

UPM komersial produk R&D

Oleh W. RAHIMAH DRAMAN

DALAM usaha menghasilkan dan mengembangkan seberapa banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) terkini secara ilmiah untuk menaikkan kualiti hidup masyarakat dan negara, Universiti Putra Malaysia (UPM) terus mendominasi peranan tersebut.

Malah melalui usaha itu, UPM telah menjadi tumpuan dalam menyuruh dan meningkatkan produk-produk yang efektif melalui keilmuan bagi menjana peningkatan ekonomi negara.

Hasil penyelidikan dan pembangunan paling banyak dan menonjol yang dihasilkan sudah tentulah yang berkaitan dengan sektor dalam industri pertanian, selaras dengan konsep asal dari kewujudan UPM itu sendiri.

Ini dibuktikan apabila 13 produk yang dihasilkan melalui pembangunan R&D UPM telah menguasai pasaran dan dikomersialkan secara global.

Hasilnya ia telah membantu menjana pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negara lebih aktif dengan memberi pulangan tidak kurang daripada RM28 juta

Hasilnya ia telah membantu menjana pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negara lebih aktif dengan memberi pulangan tidak kurang daripada RM28 juta

pelbagai disiplin keilmuan yang dimiliki oleh ahli akademik telah membolehkan mereka memberi tumpuan terhadap enam kluster utama.

"Kesemua enam kluster yang jadi tumpuan kami adalah dalam pertanian, makanan, alam sekitar dan perhutanan, kesihatan, sains sosial di samping sains, teknologi dan kejuruteraan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis meraikan kecermerlangan kumpulan penyelidikan UPM pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2008 di dewan taklimat bangunan pentadbiran UPM Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Pada MTE 2008 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 21-23 Februari lalu, sekumpulan 34 daripada 35 penyelidikan UPM memenangi 11 daripada 60 pingat emas yang dipertandingkan.

Sebelas pingat emas itu pula adalah antara sejumlah 30 pingat yang dimenangi oleh ahli akademik universiti tersebut.

Salah seorang pemenang iaitu Prof. Dr. Faridah Abdullah pula menjadi penerima anugerah berganda iaitu pingat emas dan anugerah khas The Very Best Award melalui kejayaan R&D

Trichogreen bagi menggandakan penghasilan buah kelapa sawit seawal peringkat penanaman lagi.

Ia sekali gus meletakkan UPM sebagai institusi yang menghasilkan R&D terbaik pada MTE 2008, mengatasi 33 buah institusi pengajian tinggi serta badan penyelidikan seluruh negara yang lain.

Kata Dr. Nik Mustapha, daripada enam kluster penyelidikan yang menjadi tumpuan itu, UPM memfokuskan lapan bidang tumpukan secara khusus iaitu R&D dalam penghasilan tanaman makanan, tanaman perladangan, pengeluaran haiwan dan aquakultur, biosesihatan, produk bio nilai tambah, tenaga diperbaharui alternatif, produk hutan tropika dan produk halal.

"Dalam penghasilan R&D produk halal misalnya, kami mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(JAKIM)," jelasnya.

Melalui amalan konsep penyelidikan untuk masyarakat Dr. Nik Mustafa menambah, UPM mengalaukan mana-mana pihak khususnya swasta yang mempunyai kemudahan serba lengkap untuk bekerjasama bagi membangun serta merealisasikan perlaksanaan R&D yang dihasilkan.

Malah katanya usaha juga sedang dipertingkatkan bagi mengembangkan keilmuan dari teknologi R&D yang dihasilkan kepada golongan sarasar agar ia memberi manfaat dan membantu meningkatkan hasil produktiviti mereka.

DR. FARIDAH Abdullah menunjukkan piala dan sijil yang dimenanginya dalam Ekspo Teknologi Malaysia.

